

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : SETEMPAT

**Kuala Lumpur**

## Bakal tanggung kos rawatan RM7.4b

Kerajaan bakal menanggung beban kos rawatan mencecah RM7.40 bilion pada 2025 jika kawalan tembakau tidak diperkukuhkan di negara ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkeply Ahmad berkata, kajian unjuran kementerian pada tahun lalu menunjukkan keadaan itu akan berlaku jika tabiat merokok tidak berkurangan.

“Kos ini dibuat berdasarkan kajian Kos Penjagaan Kesihatan Kerana Merokok di Malaysia dengan mengambil kira pertumbuhan penduduk 1.5



**DR Dzulkeply**

peratus dalam tempoh lima tahun,” katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam ketika menjawab soalan asal Tuan Wong Shen (PH-PKR Subang).